



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PJH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8888 0375

Emel: pha@kwp.gov.my

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

oleh
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PENCALONAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan mula membuka permohonan untuk penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Bagi Tahun 2011** selama tiga (3) bulan **mulai 1 Julai 2010** dan akan ditutup permohonan pada **30 September 2010**.

2. Semua **permohonan pencalonan perlu dibuat secara online** dengan melayari laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu www.kwp.gov.my.

3. Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah **terbuka kepada warga Wilayah Persekutuan** yang banyak berjasa membangun dan memajukan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dalam pelbagai bidang, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang untuk Wilayah Persekutuan.

4. Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan borang-borang mengikut kategori pencalonan seperti berikut :

Kategori	Borang
Perkhidmatan Awam	A
Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun	B
Swasta/Persatuan/ Sukarela/ Sukan	C
Warganegara Asing	D
Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia	E
Perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia	F
Pertubuhan Politik	G

5. Perlu dijelaskan bahawa **semua permohonan pencalonan hendaklah mematuhi ketetapan dan syarat-syarat yang ditetapkan.** Senarai calon-calon yang berjaya dijangka akan dimaklumkan pada bulan Disember 2010 atau selewat-lewatnya awal bulan Januari 2011.

6. Penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) telah dimulakan pada tahun 2008,** iaitu sejajar dengan keputusan Kerajaan Persekutuan dan di atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk disempurnakan **setiap tahun pada tanggal 1 Februari bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.**

7. Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut mengenai pencalonan anugerah DKBPWP boleh berhubung terus kepada:

**Urus Setia
Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan
Aras 1, Blok 2, Menara PjH
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8889 7888/7844/7986/7945/7815/7870/7871
Faks: 03-8888 0375/8889 7922**

E-mel: dkbpwp@kwp.gov.my

Sekian, terima kasih.



DATO' HJ. AHMAD PHESAL BIN TALIB
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Dan Kesejahteraan Bandar

28 hb. Jun 2010
PUTRAJAYA